

SOALAN NO. 542

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha Kementerian untuk membantu Chang Xiang Qian selepas dia diperintahkan untuk kembali ke pangkuan nenek kandung yang sebelum ini didakwa menderanya. Nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan adik tersebut tidak didera lagi.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengendalikan kes yang disiarkan dalam Akhbar Cina Press bertarikh 12 Januari 2017 berkenaan kanak-kanak perempuan bernama Chang Xiang Qian yang kini berusia 7 tahun dan disyaki didera secara seksual oleh ayah kandung kanak-kanak pada tahun 2013. Kanak-kanak telah diletakkan di bawah penjagaan nenek saudara melalui perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Petaling Jaya di bawah Seksyen 30(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 selama tiga tahun.

Pada 12 Januari 2017, kes telah dibicarakan semula di Mahkamah yang sama memandangkan perintah penjagaan kepada nenek saudara selama tiga tahun telah tamat tempoh. Kanak-kanak diperintahkan untuk dikembalikan semula kepada nenek kandung yang menetap di Kulai, Johor memandangkan tiada bukti kukuh menunjukkan kanak-kanak didera.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan kanak-kanak diberi perlindungan dan tidak lagi didera seperti mana yang dilaporkan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- i) Pelindung di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kulai, Johor membuat seliaan dan lawatan ke rumah nenek kandung untuk melihat perkembangan kanak-kanak dan memastikan kanak-kanak berada dalam keadaan baik dari masa ke semasa.
- ii) Menjalankan sesi kaunseling untuk kanak-kanak bagi penyesuaian diri di tempat tinggal yang baru. Sesi kaunseling akan turut diberikan kepada penjaga kanak-kanak untuk memastikan penjaga memberi jagaan sewajarnya.
- iii) Membantu kebajikan kanak-kanak dalam urusan perpindahan sekolah. Kanak-kanak akan bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Kulai 1, Kulai, Johor.